

## Terma dan Syarat Kempen Allianz "Choose Smart, Stay Protected"

**Kempen Allianz "Choose Smart, Stay Protected" ("Kempen")** yang dianjurkan oleh Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad ("AGIC") ditawarkan kepada individu pemegang polisi dengan harta tanah yang dilindungi di bawah polisi Berbilang Tahun Smart Home Cover ("SHCMY") yang dikeluarkan melalui mana-mana saluran pengedaran **AGIC**. **Kempen** ini tertakluk kepada terma dan syarat yang berikut.

### 1. Tempoh Kempen

**Kempen** ini akan berlangsung dari 1 April 2024 hingga 30 Jun 2024, atau sehingga kesemua selimut api yang diberikan di bawah **Kempen** ini mencapai dua ribu (2,000) unit, atau mana-mana yang terdahulu ("Tempoh Kempen"). Pemberian hadiah ini berdasarkan kepada siapa cepat dia dapat.

### 2. Kelayakan Kempen

Berikut merupakan kriteria untuk layak bagi **Kempen** ini:

- (a) **Kempen** ini terbuka kepada semua individu pemegang polisi yang telah membeli polisi **SHCMY** untuk harta tanahnya dan polisi tersebut dikeluarkan semasa **Tempoh Kempen**.
- (b) Premium kasar minimum untuk pembelian polisi **SHCMY** mestilah sebanyak RM1,000 (selepas penolakan sebarang rebat); dan
- (c) Pemegang polisi mesti memberikan nombor telefon bimbit dan alamat emel yang sah semasa membeli polisi **SHCMY**.

Pemegang polisi yang memenuhi kriteria di atas akan layak untuk mendapatkan hadiah pemberian di bawah **Kempen** ini ("Individu Yang Layak").

### 3. Hadiah Kempen

Setiap **Individu Yang Layak** berhak menerima satu (1) selimut api, yang akan dihantar dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja dari tarikh polisi dikeluarkan. Hanya dua ribu (2,000) unit selimut api tersedia untuk diberikan semasa **Tempoh Kempen**.

#### **4. Syarat-syarat Lain**

- a) Dengan menyertai **Kempen** ini, **Individu Yang Layak** dengan ini bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan di sini dan bersetuju bahawa sebarang keputusan yang dibuat oleh **AGIC** berkenaan dengan **Kempen** ini adalah muktamad dan konklusif.
- b) **AGIC** mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantungkan **Kempen** ini atau mengubah terma dan syaratnya tanpa sebarang notis atau alasan terlebih dahulu. Untuk mengelakkan keraguan, **Individu Yang Layak** dengan ini bersetuju bahawa mereka tidak layak mendapat sebarang bentuk pampasan apapun yang timbul daripada sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung secara langsung atau tidak langsung akibat pembatalan, penamatan, penggantungan atau perubahan tersebut oleh **AGIC**.
- c) **AGIC** tidak akan bertanggungjawab ke atas terma penggunaan khusus yang mungkin terpakai bagi selimut api, atau mana-mana hadiah yang diberikan di bawah **Kempen** ini.
- d) **AGIC** tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang jenis kerugian atau kerosakansama ada secara langsung atau tidak langsung, yang dialami oleh **Individu yang Layak** atau mana-mana individu yang menuntut melalui **Individu Yang Layak**, yang timbul daripada atau berkaitan dengan **Kempen** ini.
- e) Pemprosesan mana-mana data peribadi yang diberikan menurut **Kempen** ini akan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
- f) Untuk sebarang pertanyaan berkaitan **Kempen** ini, sila hubungi Allianz melalui Live Chat di [allianz.com.my](http://allianz.com.my), atau emel di [customer.service@allianz.com.my](mailto:customer.service@allianz.com.my) atau di talian 1300 22 5542, Isnin hingga Jumaat dari 9.00 pagi hingga 6.00 malam.
- g) Terma dan syarat di sini akan ditadbir dan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.